

18/11/2001

Semua komponen di Sabah dijangka setuju

KOTA KINABALU: Semua parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah dijangka menyatakan sokongan terhadap kemasukan semula Parti Bersatu Sabah (PBS) ke dalam BN, kata Ketua Menteri, Datuk Chong Kah Kiat.

Beliau yang juga Pengerusi BN negeri, berkata ini kerana kemasukan semula PBS ke dalam BN adalah tindakan untuk perpaduan dan menstabilkan lagi politik Sabah, justeru tidak ada alasan mana-mana parti untuk menghalang proses itu.

"Saya tidak nampak ada masalah (menerima kemasukan PBS) kerana ia adalah baik untuk semua di Sabah kerana apa yang kami mahu ialah perpaduan," katanya kepada pemberita selepas tiba dari Kuala Lumpur di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini semalam.

Kini ada lapan anggota komponen BN negeri dengan empat adalah parti yang diasaskan di Sabah iaitu Parti Maju Sabah (Sapp), Parti Liberal Demokratik (LDP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) dan Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko).

Empat lagi parti komponen BN negeri ialah Umno, MCA, Gerakan dan MIC.

Khamis lalu, Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan, menghantar permohonan menyertai semula BN selepas 11 tahun menjadi pembangkang, kepada Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN Pusat, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kelmarin, Dr Mahathir dilaporkan berkata syarat utama untuk PBS diterima masuk semula dalam BN ialah mesti mendapat sokongan 100 peratus daripada semua parti komponen.

Chong yang juga Presiden LDP, berkata sebagai Pengerusi BN negeri, beliau akan menyokong kemasukan semula PBS dalam gabungan itu.

Ditanya sama ada BN negeri akan mengadakan mesyuarat bagi membincangkan perkara itu, beliau berkata tidak ada keperluan mengenainya kerana BN Pusat akan memanggil semua parti bermesyuarat dan membuat keputusan.

Chong juga berharap semua parti komponen BN di luar Sabah turut menyokong permohonan PBS itu.

"Saya berpendapat adalah penting untuk semua masyarakat bersatu dan bekerja bersama-sama untuk kepentingan negeri dan negara," katanya.

(END)